

# PENULIS KITAB HADIS TERBESAR

**Mohd Nasif Badruddin**  
mnasif@hmetro.com.my

**K**amus Idris al-Marbawi antara 'bahan asas' sebagai rujukan bagi mereka yang baru belajar bahasa Arab di negara ini sebelum beralih kepada kamus lebih besar dan buku tatabahasa.

Disifatkan antara kamus terawal bahasa Arab-Melayu di negara ini, hasil nukilan ulama tersohor Sheikh Idris al-Marbawi atau nama sebenarnya Muhammad Idris Abdul Rauf itu mula dicetak pada 1930-an dan diulang cetak melebihi 25 kali sebelum diberi nafas baru dengan beberapa pembetulan serta

pembaharuan pada 1990.

Satu lagi karya Sheikh Idris al-Marbawi ialah Kitab Bahrul Mazi yang menjadi kitab hadis terbesar dalam bahasa Melayu diusahakan secara perseorangan dan mengandungi 2,775 hadis diriwayatkan Imam Tirmidzi.

Beliau turut menulis beberapa kitab lain antaranya Tafsir al-Quran Marbawi, Tafsir al-Quran Nurul Yaqin, Tafsir Surah Yasin, Tafsir Fath al-Qadir, Bulugh al-Maram dan Nizam al-Hayat.

Menurut Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Akademi Pengajian Islam,



**PROF Madya Dr Mohd Roslan Mohd Nor.**

Universiti Malaya (UM) Prof Madya Dr Mohd Roslan Mohd Nor, Sheikh Idris al-Marbawi memberi sumbangan besar dari sudut pendidikan dengan

menghasilkan kitab dan menubuhkan sekolah seperti Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar.

"Banyak karyanya seperti Bahrul Mazi masih digunakan dalam pengajian agama di masjid dan kamusnya pula kekal menjadi rujukan pelajar terutama di sekolah rendah dan menengah,"katanya.

Beliau yang juga Setiausaha Persatuan Ulama Malaysia (PUM) berkata, apabila ulama berkenaan menulis kitab maka dengan sendirinya menyebar kefahaman Islam menerusi medium pembacaan.

Katanya, kesan yang ditinggalkan Sheikh Idris